



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (15 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **empat (4) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kes-kes ini dikesan di Daerah Kuching (3) dan Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 759 kes**.

#### **A. Kes COVID-19 Baharu Yang Dikesan.**

Perincian kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

##### **i) Daerah Kuching (3 kes baharu).**

###### **a) Kes Ke-756 dan Kes Ke-757 (Import-A)**

Kes Ke-756 dan Kes Ke-757 merupakan dua orang rakyat Indonesia dari Kalimantan Barat yang telah memasuki Sarawak pada 12 Oktober 2020. Kes-kes ini telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan saringan COVID-19 di sebuah hospital swasta di Kuching sebagai syarat untuk bekerja di Sarawak.

Kes-kes ini juga didapati telah memasuki Sarawak secara tidak sah. Dengan itu mereka tidak menjalani prosedur kuarantin wajib 14 hari dan selepas tiba di Sarawak seperti pelawat-pelawat lain dari luar negara. Mereka telah menjalani saringan COVID-19 pada 14 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR mereka telah didapati positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan awal COVID-19. Berdasarkan sejarah perjalanan, kedua-dua kes ini telah mendapat jangkitan semasa masih berada di negara asal iaitu di Kalimantan, Indonesia sebelum tiba di Sarawak pada 12 Oktober 2020. Oleh itu, kes ini dikategorikan sebagai kes Import A.

Kedua-dua kes ini juga telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Siasatan lanjut kepada kes ini masih dijalankan dan pengesahan kontak kepada kes ini juga sedang giat dijalankan.

### **b) Kes Ke-759 (Import-C)**

Kes Ke-759 merupakan kontak rapat kepada Kes-752 yang dikesan melalui pengesahan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 yang telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan dan Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

Kes juga adalah ahli keluarga terdekat kepada kes Ke-752. Kes menetap di Daerah Kuching dan telah melawat Kes-752 semasa kes tersebut sedang menjalani kuarantin di rumah di Daerah Samarahan. Pada 13 Oktober 2020, kes telah hadir ke sebuah klinik kesihatan kerajaan dan telah menjalani ujian saringan ujian rT-PCR COVID-19 kes telah didapati positif pada 14 Oktober 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan tetapi telah dijangkiti di daerah yang berbeza dengan alamat menetap iaitu Import C.

Sehingga 15 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah enam (6) individu telah disaring, dimana:

- dua (2) kes dikesan positif COVID-19
- empat (4) individu negatif; dan
- tiada (0) individu yang masih menunggu keputusan.

**ii) Daerah Miri (1 kes baharu)**

**c) Kes Ke-758 (Import-B)**

Kes ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan dari Kota Kinabalu, Sabah dan singgah di Labuan sebelum tiba di Lapangan Terbang Miri pada 10 Oktober 2020. Kes merupakan seorang pekerja di salah sebuah kapal gas asli cecair (LNG) terapung di luar persisir Sabah dan telah berada di atas kapal dari 3 September 2020 sebelum *sign off* pada 10 Oktober 2020.

Setibanya di Lapangan Terbang Miri, kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Pada 13 Oktober 2020, kes telah menjalani saringan pertama untuk COVID-19 dan keputusan ujian rT-PCR kes telah didapati positif pada 14 Oktober 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Miri pada hari yang sama untuk rawatan lanjut.

Kes ini telah mengalami sakit tekak pada 8 Oktober 2020. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import-B iaitu kes yang telah mendapat jangkitan semasa berada di atas kapal di luar persisir Sabah. Pengesahan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan.

## **B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

### **a) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Kluster ini kekal melaporkan empat (4) kes positif COVID-19.

Sehingga 15 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah enam (6) individu telah disaring, dimana:

- i) Empat (4) kes dikesan positif COVID-19
- ii) 36 individu negatif; dan
- iii) tiada individu yang menunggu keputusan

### **b) Kluster Putra di Daerah Bintulu.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai enam (6) orang termasuk kes indeks. Satu (1) kes positif COVID-19 telah dikesan dan didaftarkan di Negeri Selangor. Sehingga 15 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah enam (6) individu telah disaring, dimana:

- i) Enam (6) kes dikesan positif COVID-19
- ii) 148 individu negatif;
- iii) 36 individu yang masih menunggu keputusan.

Seramai 75 individu telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10), dua (2) individu negatif dan 75 individu masih menunggu keputusan.

### **C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat tiga (3)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dua (2) orang dari Hospital Miri dan satu (1) orang dari Hospital Sibu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **694** orang atau **91.44%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **46** orang iaitu 28 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lapan (8) kes di Hospital Miri, tujuh (7) kes Hospital Bintulu dan tiga (3) orang di Hospital Sibu.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.50%.**

Hari ini **lima (5) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching, Sibu, Bintulu dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai tiga belas (13) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Tiada penambahan kes jangkitan tempatan baharu dilaporkan atau dikesan bagi daerah-daerah tersebut pada hari ini.

Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah empat (4) buah daerah dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

#### **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Hari ini Kabinet Negeri telah bermesyuarat dan menilai situasi semasa COVID-19 yang berlaku di luar Sarawak. Oleh itu mesyuarat telah memutuskan untuk **melanjutkan Tatacara Kemasukan Ke Sarawak sehingga 15 November 2020.**

#### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **30 kompaun** di Daerah Kuching (14), Miri (8), Limbang (6), Kota Samarahan (1) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **98 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan MD Serian (25), SMC (20), BDA (17), MD Marudi (17), MDDM (10), DBKU (6), MDMJ (2) dan MBKS (1).

#### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,396 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (171), Restoran (247), Kilang (8), Bank (113), Pejabat Kerajaan (56), Penjaja (43), Pasar Tani/Awam (69), Tempat Ibadah (67), Tempat Riadah (40), Tapak Pembinaan (20) dan lain-lain (562).

Seramai **523 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (234), ATM (36), RELA (117), APM (97), PBT (32) dan lain-lain agensi (7).

#### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **933** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**15 OKTOBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	755	Kes sedang dirawat di hospital	46	6.06%
Kes Baharu	4	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	127,748	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	759	Jumlah kes kematian	19	2.50%
IR per 100,000 penduduk	24.60	Kes telah sembuh dan discaj	694	91.44%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	3	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	5	9,868
Menunggu keputusan	0			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	28	3	7	8	0	46	
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19	
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	1	0	2	0	3
	Kumulatif	582	36	39	35	2	694
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22	

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	0	27	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	4	6,524	3	457	0	424	0	12	21	22	5
3	Bintulu	0	309	0	46	0	39	0	0	7	7	5
4	Sibu	0	115	0	15	1	12	0	0	3	4	2
Jumlah		4	6975	3	521	1	475	0	12	34	36	13

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	20	0	4	2	3	0	0	1	0	0
2	Serian	0	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	249	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
5	Samarahan	0	570	0	113	0	108	0	4	1	1	0
6	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
10	Miri	1	843	1	31	0	24	0	1	6	6	0
11	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	2	0	1	1	1	0
13	Betong	0	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	0	0	0	1	1	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Belurru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>2,893</b>	<b>1</b>	<b>238</b>	<b>2</b>	<b>219</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>5</b>	<b>9,868</b>	<b>4</b>	<b>759</b>	<b>3</b>	<b>694</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>46</b>	<b>47</b>	<b>13</b>
---------------------	----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **85 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **22 buah hotel** adalah seramai **1,822 orang**. Manakala seramai **26,396 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 15.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (809)	Hock Lee	98
2		Kuching Park	108
3		Hilton	303
4		Harbour View	155
5		Riverside (Astana Wing)	105
6		Tune Hotel	35
7		Dormani Hotel	5
8	Miri (639)	Mega Hotel	36
9		Imperial Palace	122
10		Eastwood Valley	71
11		Meritz	208
12		Miri	35
13		Dynasty	122
14		Citi Hotel	45
15	Bintulu (77)	Wasan Inn	41
16		Motel Kapok	16
17		Faber Inn	20
18	Limbang (181)	Purnama	98
19		Shangshan (Lawas)	65
20		Mandarin (Lawas)	18
21	Sibu (116)	Premier	116
22		Diocesan Pastoral	0
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,822</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (4), Miri (1) dan Sarikei (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,764 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 15.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>4</b>	<b>563</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>324</b>
3	Sibu	TIADA	176
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	115
<b>6</b>	<b>Sarikei</b>	<b>1</b>	<b>111</b>
7	Limbang	TIADA	84
8	Serian	TIADA	66
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	48
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,764</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 15.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MP Sibu	9
5	MD Matu & Daro	4
6	MCC	14
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	8
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>